

Kuala Lumpur: Inisiatif yang dibentangkan di dalam Bajet 2023 menerusi segmen pelancongan terutama dana pembiayaan infrastruktur pelancongan RM1 bilion mampu memulihkan industri pelancongan yang terkesan akibat pandemik Covid 19.

Perkara itu yang dikongsikan Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Saifuzzaman Ibrahim turut melihat geran yang diberikan kepada pemain industri pelancongan membantu memberi limpahan ekonomi kepada pemain industri

yang lain.

Jelasnya, industri pelancongan memberi kesan domino kepada banyak industri lain seperti peruncitan, makanan dan minuman dan perkhidmatan.

“Lebih menarik, kerajaan juga memberi tumpuan kepada sektor pelancongan kesihatan kerana kita tahu Malaysia ada perkhidmatan baik di dalam bidang itu.

“Dalam masa sa-

Beri kesan domino pada industri lain’

ma, di sebalik kelemahan ringgit, kita boleh ambil kesempatan kepada pelancongan asing bagi menikmati fasiliti kesihatan disediakan pemain indus-

“
Lebih menarik, kerajaan juga memberi tumpuan kepada sektor pelancongan kesihatan
Dr Saifuzzaman



tri tempatan,” katanya.

Menurutnya, cadangan pemotongan cukai khas kepada hotel membeli produk kraf tangan tempatan dengan kos pembelian sehingga RM500,000 membantu pengusaha tempatan terutama golongan luar bandar.

“Perkara ini menarik kerana kerajaan ingin memastikan bantuan diberi mampu memberi limpahan ekonomi kepada pe- niagaan lain



Tidak dilupakan inisiatif menggalakkan pelancongan tempatan supaya industri hospitaliti pulih seperti sebelum pandemik”

Ahmed Razman

terutama perniagaan mikro,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ah-

med Razman Abdul Latif melihat inisiatif itu sebagai pendekatan pelbagai arah.

“Penumpuan utama difokuskan untuk kembali menarik pelancong asing ke negara kita terutama pelancong kesihatan. Pada masa sama, pelbagai inisiatif diberi untuk memastikan sektor industri pelancongan bersiap sedia dari segi menaik taraf infrastruktur dan kecukupan pekerja.

“Tidak dilupakan inisiatif menggalakkan pelancongan tempatan supaya industri hospitaliti pulih seperti sebelum pandemik,” katanya.